

(11 mac 2021) Sinar Harian, p. 11

1,448 kes baharu, lima kematian

Kes sembuh dilaporkan sebanyak 2,137 kes, mengatasi kes baharu

KUALA LUMPUR

Kes baharu positif Covid-19 di negara ini meningkat sedikit dengan mencatat 1,448 kes berbanding 1,280 kes pada Rabu menjadikan kes kumulatif baharu adalah sebanyak 317,717 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh pula mengatasi kes baharu iaitu 2,137 kes sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 298,516 kes.

"Daripada kes baharu hari ini (Rabu) ia melibatkan kes tempatan sebanyak 1,438 kes iaitu 878 warganegara dan 560 bukan warganegara, manakala 10 kes lagi kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Kes aktif pula ialah 18,010 kes," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 pada Rabu.

Dalam pada itu, lima kematian lagi direkodkan menjadikan jumlah kematian keseluruhan sebanyak 1,191 kes, sementara 151 pesakit yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 72 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, lima kematian yang direkodkan pada Rabu melibatkan dua kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Johor,



DR NOOR HISHAM

Melaka serta Sabah, dengan lingkungan umur yang meninggal dunia 43 hingga 73 tahun.

Beliau berkata, Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 561 kes, diikuti Johor (273 kes) dan Sarawak (199 kes) manakala

15 kes yang dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen.

Dr Noor Hisham berkata, lima lagi kluster baharu dikenal pasti melibatkan dua klus-


ter berkaitan tempat kerja, dua kluster berkaitan komuniti dan satu kluster import iaitu Kluster Pona di Johor.

"Kluster tempat kerja didapati di Johor iaitu Parit Penyeangat Darat dan Dagang Permai (Selangor). Kluster komuniti ialah Sungai Puteh (Selangor) dan Melor (Sarawak).


"Ini menjadikan jumlah kluster aktif kini 449 kluster dengan 59 daripadanya mencatatkan pertambahan kes baharu hari ini," katanya dan tambahnya, 13 kluster turut dilaporkan tamat menjadikan jumlah kluster tamat kini 768. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 10 Mac 2021




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
317,717	298,516	151	1,191	+1,448



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 316,269 kes kepada 317,717 kes